

Mapen II jamin ekonomi terus teguh

BH 9 NOV 2000

LAPORAN Majlis Perundangan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), yang diumumkan Khamis lalu, disifatkan pelbagai pihak sebagai satu rangka kerja yang dapat membantu menjamin kesinambungan kepada kejayaan Mapen I.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izat Emir berkata, Mapen I berjaya menghasilkan banyak perubahan ke arah kemajuan ekonomi negara.

"Saya percaya Mapen II akan lebih berkesan menjana pembangunan ekonomi kerana ia dirumuskan hasil pengalaman Mapen I," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Mapen II, yang diumumkan Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, sebelum laporan itu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu.

Antara perakuan yang terkandung dalam laporan itu ialah penubuhan Majlis Kebangsaan Mengenai Daya Saing Malaysia dan Pusat Inovasi Nasional bagi menggalakkan inovasi dalam ekonomi.

Perakuan lain ialah, penubuhan Tabung Penyelidikan dan Inovasi serta pembinaan lembah bioteknologi berkonsepkan Lembah Silikon untuk menempatkan segala kemudahan penyelidikan dalam bidang bioteknologi.

Mengenai rancangan penubuhan lebih banyak institusi saham amanah seperti Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Saham Amanah Nasional dalam Mapen II, seorang pengurus pelaburan berkata, ia mesti disusuli usaha mendidik Bumiputera cara memanfaatkan.

Negara kini mempunyai beberapa institusi saham amanah termasuk yang diuruskan Kerajaan Negeri bertujuan meningkatkan tahap sosioekonomi kaum Bumiputera menerusi pelaburan

selamat di dalam saham amanah.

Bagaimanapun katanya, kerajaan atau institusi saham amanah itu sendiri perlu terlebih hulu mendidik pelabur Bumiputera bagaimana mendapatkan faedah maksimum daripadanya.

"Tiada gunanya kita mempunyai banyak institusi saham amanah jika masyarakat Bumiputera masih enggan memanfaatkan penubuhannya, selain tidak memahami cara menjalankan urusan niaga saham amanah," katanya.

Mengulas laporan itu yang turut memberi tumpuan kepada bidang teknologi maklumat (IT), beliau berkata, ketika ini, perniagaan tanpa IT atau ekonomi akan menyebabkan seseorang itu ketinggalan dalam bidangnya.

"Sekiranya kita tidak membuat persiapan awal, kita akan kehilangan peluang yang ditawarkan khususnya apabila pasaran perniagaan di negara ini dibuka kelak seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," katanya.